

Kerjasama dengan Jepun tetap akan diteruskan

UM 11 JUL 2002

TOKYO 10 Julai — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, pertemuannya dengan pemimpin Jepun termasuk Perdana Menteri, Junichiro Koizumi hari ini memberi peluang kepada kedua-dua negara mengukuhkan komitmen bagi memperluaskan kerjasama dua hala selepas peralihan kuasa.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pemimpin berkenaan menyatakan dengan jelas bahawa mereka mahu hubungan baik dengan Malaysia diteruskan selepas beliau mengambil alih jawatan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad November ini.

“Mereka mahukan kepastian dari saya untuk meneruskan hubungan itu dan saya menjelaskan bahawa dasar baik yang sedia ada akan diteruskan terutama dalam

hubungan kerjasama dua hala Malaysia dan Jepun.

“Saya juga nyatakan bahawa dasar lain mungkin akan diperkenalkan di masa depan iaitu bergantung kepada perkembangan semasa, dalam memastikan pertumbuhan ekonomi antara kedua-dua negara berkembang lebih sihat,” katanya kepada wartawan Malaysia di hotel kediamannya, Imperial Hotel di sini hari ini.

Beliau mengulas hasil perbincangannya dengan beberapa pemimpin Jepun termasuk mengadakan kunjungan hormat kepada Koizumi di pejabatnya di sini.

Abdullah turut menerima kunjungan hormat daripada Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Takeo Hiranuma dan Menteri Kewangan, Masajuro Shiokawa.

Sebelum itu, beliau mengadakan perjumpaan makan tengah hari bersama 16 tokoh korporat terpilih dari negara berkenaan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Koizumi turut menekankan secara khusus mengenai kerjasama dalam pendidikan dengan keutamaan diberi kepada penubuhan Universiti Teknikal Malaysia Jepun tidak lama lagi.

Abdullah berkata, Koizumi bersetuju mengambil pelajar Malaysia bagi mengikuti bidang perubatan di negara ini.

“Ia adalah satu perkembangan baik kerana Jepun mempunyai segala teknologi tertinggi dalam bidang perubatan termasuk kaedah e-perubatan serta tele-persidangan,” katanya. — *Utusan*